



Ruj. Kami : JPNP.SPMd.600-3/4/1 Jld.3 (14)
Tarikh : 10 Februari 2021
28 Jamadilakhir 1442H

Ketua Pegawai Eksekutif
XUsed Worldwide Solutions Sdn. Bhd.
2-19-01Worldwide @7,
Jalan Lazuardi 7/29, Seksyen 7,
40000 Shah Alam,
Selangor.

Tuan,

MELAKSANAKAN PROGRAM KITAR SEMULA “XUSED - LEARN & EARN” DAN SISTEM EKO LENGKAP PEMBAYARAN TANPA TUNAI (CASHLESS PAYMENT) DI SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI PAHANG BAGI TAHUN 2021 DENGAN TANPA SEBARANG KOS TAMBAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang telah menerima permohonan daripada pihak tuan untuk melaksanakan Program Kitar Semula “Xused - Learn & Earn” Dan Sistem Eko Lengkap Pembayaran Tanpa Tunai (*Cashless Payment*) Di Sekolah-Sekolah Negeri Pahang Bagi Tahun 2021 Dengan Tanpa Sebarang Kos Tambahan Kepada Pihak Sekolah. Jabatan Pendidikan Negeri Pahang tiada halangan untuk memberi kebenaran kepada pihak tuan untuk menjalankan program seperti di atas bagi tahun 2021.

3. Walau bagaimanapun kebenaran ini tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil 5/2018, Bil.7/1988 dan Bil.8/2009 di samping mengamalkan *delivery improvement* Kementerian Pendidikan Malaysia - Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia. Permohonan hendaklah mematuhi syarat yang telah ditetapkan seperti yang berikut :

- i. Mendapat kebenaran daripada Ketua Jabatan dan Pengetua/Guru Besar sekolah-sekolah yang terlibat;
- ii. Pihak penganjur disaran untuk melaksanakan aktiviti secara dalam talian dengan menggunakan kemajuan teknologi serta kemudahan platform seperti *WhatsApp, Instagram, Facebook, Telegram* atau aplikasi yang lain seperti *MEET* atau *WEBEX* yang membolehkan interaksi dua hala berlaku dan bersemuka secara dalam talian (maya);
- iii. Mematuhi semua pekeliling dan peraturan yang sedang berkuatkuasa;
- iv. Program ini hanya boleh dijalankan sebaik sahaja sesi persekolahan secara bersemuka dibenarkan oleh KPM

MELAKSANAKAN PROGRAM KITAR SEMULA “XUSED - LEARN & EARN” DAN SISTEM EKO LENGKAP PEMBAYARAN TANPA TUNAI (CASHLESS PAYMENT) DI SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI PAHANG BAGI TAHUN 2021 DENGAN TANPA SEBARANG KOS TAMBAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH

- v. Semua aktiviti sukan dan kokurikulum secara bersemuka dan berkumpul serta melibatkan sentuhan adalah tidak dibenarkan sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan;
- vi. Sekiranya aktiviti memerlukan bantuan pihak lain, kerja berkumpul hanya dibenarkan dalam kalangan ahli keluarga peserta sahaja tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh pihak penganjur;
- vii. Surat kebenaran kelulusan tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- viii. Penggunaan logo JPNP dan sebarang logo berkaitan hanya untuk *backdrop*, *banner*, sijil, cenderamata, kad jemputan serta buku program sahaja dan tidak dibenarkan untuk mendapat tajaan atau lain-lain yang bertujuan komersial;
- ix. Penglibatan guru dan murid dalam program ini tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- x. Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;
- xi. Murid-murid dan guru serta pihak sekolah tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;
- xii. Penyertaan murid hendaklah secara sukarela mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;
- xiii. Selaras dengan Pelaksanaan Pendidikan Sivik yang masih berkuatkuasa di semua sekolah rendah dan menengah di bawah KPM, pihak penganjur dimohon memastikan agar kesedaran sivik dan amalan nilai murni dapat terus dijadikan sebagai salah satu perkara wajib diterapkan dalam aktiviti/persembahan murid;
- xiv. Penglibatan murid juga perlu diiringi oleh guru sekolah berkenaan;
- xv. Tiada implikasi kewangan kepada KPM, JPN, PPD dan sekolah yang terlibat;
- xvi. Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid disediakan;
- xvii. Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut; dan
- xviii. Pendaftar **berhak menarik balik** surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

MELAKSANAKAN PROGRAM KITAR SEMULA “XUSED - LEARN & EARN” DAN SISTEM EKO LENGKAP PEMBAYARAN TANPA TUNAI (CASHLESS PAYMENT) DI SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI PAHANG BAGI TAHUN 2021 DENGAN TANPA SEBARANG KOS TAMBAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH


4. Surat kebenaran ini hanya untuk XUsed Worldwide Solutions Sdn. Bhd. yang akan melaksanakan Program Kitar Semula “Xused - Learn & Earn” Dan Sistem Eko Lengkap Pembayaran Tanpa Tunai (Cashless Payment) Di Sekolah-Sekolah Negeri Pahang Bagi Tahun 2021 Dengan Tanpa Sebarang Kos Tambahan Kepada Pihak Sekolah sehingga Disember 2021 sahaja. Sebarang pertanyaan berkaitan kebenaran program, pihak tuan boleh menghubungi Puan Wan Nor Hasnizar binti Wan Abdul Razak, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid (Kokurikulum) Jabatan Pendidikan Negeri Pahang ditalian 09-5715894 atau 019-9200980.

Kerjasama dan sokongan tuan dalam perkara di atas amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“ PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19 ”
“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menjalankan amanah,


MOHAMMAD ROSLI BIN ABDUL RAHMAN
Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembangunan Murid
b.p Pengarah Pendidikan Pahang

- sk :
- Pengarah Pendidikan Pahang
 - Ketua Penolong Pengarah Kanan
Sektor Pembangunan Murid
 - Ketua Penolong Pengarah
Pembangunan Bakat Murid
Sektor Pembangunan Murid
 - Pegawai Pendidikan Daerah Kuantan
 - Pegawai Pendidikan Daerah Pekan
 - Pegawai Pendidikan Daerah Rompin
 - Pegawai Pendidikan Daerah Temerloh
 - Pegawai Pendidikan Daerah Jerantut
 - Pegawai Pendidikan Daerah Lipis
 - Pegawai Pendidikan Daerah Maran
 - Fail Timbul